

Datuk Asri jadi sasaran -
ahli-ahli yang kecewa

Perjuangan PAS tidak diterima rakyat lagi

□ Selagi pucuk
pimpinan PAS
tidak mahu menerima
kenyataan masyarakat
majmuk negara ini...
selagi itulah PAS
tidak akan diterima
masyarakat. □

KOTA BARU, Sabtu — Tim-
balan Perdana Menteri, Datuk
Musa Hitam berkata Datuk
Haji Mohd Asri telah
dijadikan sasaran oleh ahli-
ahli PAS sebagai alasan
kekecewaan perjuangan
PAS.

Katanya lagi, pergolakan
yang berlaku di dalam PAS,
baru-baru ini, hanya
merupakan keadaan
kecewa atau kebuntuan
seluruh ahli PAS, kerana
perjuangan parti itu tidak
diterima oleh rakyat jelata.

Menurut Datuk Musa
yang juga Menteri Dalam
Negeri, para pemimpin dan
ahli PAS merasa kecewa
kerana hujah-hujah dan
cara-cara pentadbiran
yang dipelopori oleh Datuk
Asri itu, tidak berjaya dan
ini jelas kepada dunia.

Kumpulan yang berjaya
menyingkir Datuk Asri,
kata beliau, tentu
merasakan mereka lebih
berjaya. "Pada saya, per-
tukaran pucuk pimpinan
PAS adalah pergolakan
dalam parti yang telah buntu
mendapatkan sokongan dar-
ipada rakyat jelata.

"Wal-hal, kalau kita lihat
UMNO, kita sudah



● Datuk Asri

berpuluh-puluh tahun, se-
jak sebelum merdeka, ber-
jaya. Dan kita adalah parti
progresif dan dinamis yang
sentiasa maju dan
bergerak ke hadapan,"
ujarnya.

UMNO, tambah beliau,
dapat menyesuaikan diri
dengan keadaan zaman
serta menjadi parti Islam
yang terbesar di negara ini.

Menurut Datuk Musa,
para pemimpin dan ahli
PAS mendakwa mereka le-
bih Islam. Tetapi, rakyat
jelata tidak menerimanya.
Ini yang mengecewakan
mereka.

"Pada saya, selagi pucuk
pimpinan PAS tidak mahu
menerima kenyataan
masyarakat majmuk nega-

ra ini dan selagi mereka
tidak mahu terima hakikat
bahawa ajaran Islam ada-
lah ajaran yang menum-
pukan aspek-aspek
keduniaan dan akhirat,
selagi itulah PAS tidak
akan diterima oleh
masyarakat," tegas beliau.

Datuk Musa berkata,
masyarakat Melayu nega-
ra ini semakin terpelajar
hasil usaha kerajaan
Barisan Nasional.

Menjawab soalan
terdahulunya, Timbalan
Perdana Menteri berkata,
"Jelas bahawa satu golong-
an telah dapat menguasai
PAS dan saperti yang dis-
ebut oleh Tengku
Razaleigh, dua hari lalu,
adalah benar."

"Pada saya, apa yang ter-
jadi di dalam PAS itu tidak
menghairankan, kerana
saperti kita ketahui, ianya
berlaku sejak 18 tahun
lalu," ujar beliau.

Katanya lagi, Datuk Asri
telah begitu lama memim-
pin PAS. Sebagai seorang
yang terlalu lama menjadi
pemimpin, tentu ada
pemikiran-pemikiran baru
dan puak lama yang
b e r b e z a
pemikiran, mengambil
kesempatan untuk
menukar corak pentad-
biran dan kepimpinan PAS
secara positif atau negatif.

D a t u k M u s a
menegaskan, UMNO yang
berjalan di atas landasan
kukuh, tidak gentar atau ta-
kut dengan perubahan da-
lam pucuk pimpinan PAS
itu, kerana ia adalah per-
golakan biasa dalam
sebuah parti politik.